

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**KPM PERKASAKAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU DALAM
KALANGAN MURID MENERUSI PEMBUDAYAAN AMALAN
MEMBACA AKHBAR**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil inisiatif untuk memperkasakan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid dengan membudayakan amalan membaca akhbar di sekolah.

Bagi menjayakan inisiatif ini, sekolah-sekolah KPM di Semenanjung Malaysia diseru untuk melanggan akhbar Berita Harian, Utusan Malaysia dan Sinar Harian yang merupakan akhbar utama berbahasa Melayu di negara ini. Pembelian akhbar boleh dilakukan terus oleh pihak sekolah menggunakan peruntukan sedia ada.

KPM percaya inisiatif ini dapat membantu meningkatkan penguasaan bahasa kebangsaan dalam kalangan murid.

-TAMAT-

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
14 MAC 2024**